

18 AUG 1997

SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL TEMUI ANWAR

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menerima kunjungan Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri.

Anyaoku tiba di sini Jumaat lepas bagi lawatan lima hari sebagai sebahagian daripada lawatannya untuk berunding dengan pemimpin negara Komanwel mengenai persiapan bagi Mesyuarat Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh dari 24 hingga 27 Okt.

Anyaoku dijadualkan menghadiri jamuan tengah hari anjuran Kelab Akhbar Kebangsaan Malaysia hari ini.

Beliau telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat lepas.

Beliau dijadualkan menemui Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi esok sebelum bertolak ke Johannesburg. -- BERNAMA

ES NN NMO